



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

KENYATAAN MEDIA

KENYATAAN MAKLUMBALAS JPA MENGENAI ARTIKEL HARIAN METRO “KONSTABEL MALU TIBA-TIBA SAHAJA JADI ‘DATUK SERI’ ”

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ingin merujuk kepada artikel yang disiarkan di Harian Metro pada 7 April 2019, bertajuk **“Konstabel malu tiba-tiba sahaja jadi ‘Datuk Seri’ ”**. Pihak JPA ingin menegaskan kenyataan Ketua Polis Daerah Lipis yang dilaporkan bahawa berlaku kesilapan teknikal ketika Jabatan Pengurusan Bukit Aman menggunakan data daripada JPA menyebabkan seorang konstabel mendapat gelaran Datuk Seri Amar Diraja adalah tidak benar.

Melalui hasil semakan pihak JPA tiada nama pegawai dengan gelaran Datuk Seri Amar Diraja yang terdapat di pengkalan data *Human Resource Management Information System* (HRMIS) JPA.

Sebagai makluman, sistem dan pengkalan data sumber manusia Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah diuruskan sendiri oleh pihak PDRM dan ia berbeza dengan sistem HRMIS yang dikawal selia oleh pihak JPA. Selain itu, rekod sistem di HRMIS JPA tidak melibatkan anggota PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Sehubungan itu, bagi mengelakkan kesilapan maklumat di dalam sistem HRMIS, pihak JPA sentiasa memantau dan bekerjasama dengan pihak Kementerian dan Agensi bagi memastikan maklumat sentiasa dikemaskini oleh pegawai masing-masing.

Pihak JPA sentiasa komited dengan ketepatan data yang terdapat dalam sistem HRMIS JPA. Program-program melibatkan aktiviti pemurnian data selalu dititikberatkan secara berterusan dan sering diuar-uarkan kepada pihak pengurusan sumber manusia di peringkat Kementerian dan Agensi di seluruh negara.

Justeru itu, bagi meningkatkan tahap pengemaskinian maklumat di sistem HRMIS, pihak JPA buat julung kalinya akan mengadakan program ‘Bulan HRMIS’ pada sepanjang bulan Julai dengan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dikalangan pegawai-pegawai bagi mengemaskini maklumat-maklumat seperti data peribadi, perjawatan, pengisytiharan harta dan sebagainya dari semasa ke semasa. Diharapkan melalui program tersebut dapat mengelakkan kesilapan maklumat berlaku di dalam sistem HRMIS seperti mana yang dihadapi oleh pihak PDRM. Ia selaras dengan slogan HRMIS JPA iaitu “Data Kita Tanggungjawab Kita”.

#####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 08 April 2019
Tel : 03 - 8885 3088/ 3096
Emel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Ruj. : JPA.100-9/1/2(30)